



**PERUTUSAN  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA**

**HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT  
ANTARABANGSA 2018**

**26 JULAI 2018**

**Salam Sejahtera**

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa (*International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem*) Tahun 2018 kepada segenap rakyat Malaysia.

Ekosistem hutan paya laut merupakan suatu ekosistem unik yang terletak di pesisiran laut dan mengalami air pasang dan surut serta menjadi habitat penting kepada pelbagai flora dan fauna termasuk hidupan marin. Tarikh 26 Julai telah dipilih sebagai *International Day for Conservation of the Mangrove Ecosystem* atau Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation*, UNESCO) semasa Sesi Ke-38 Persidangan UNESCO pada 6 November 2016 di Paris. Perisytiharan ini dibuat bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dunia tentang peran pentingnya ekosistem hutan paya laut sebagai "**ekosistem yang unik, istimewa dan mudah terancam**" (*a unique, special and vulnerable ecosystem*).

**vulnerable ecosystem)** serta menggalakkan pengurusan, pemuliharaan dan penggunaan lestari ekosistem hutan paya laut.

Malaysia amat komited dalam menguruskan khazanah hutan negara termasuk hutan paya laut secara lestari. Hutan paya laut memainkan peranan penting sebagai benteng semula jadi untuk memecah, menahan dan mengurangkan kesan tiupan angin dan pukulan ombak laut. Di samping itu, hutan paya laut turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat tempatan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam memastikan hutan paya laut diurus, dipulihara dan digunakan secara lestari supaya kewujudan serta kelangsungan fungsi dan sumbangan hutan paya laut dapat terus dinikmati oleh generasi masa kini dan akan datang.

Bertepatan dengan Janji Kerajaan untuk **Mengimbangi pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar (Janji 39 Buku Harapan)**, “Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara” akan terus dipergiatkan untuk memastikan kawasan pesisiran pantai negara terus dipelihara dan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kesejahteraan hidup masyarakat. Kajian membuktikan kawasan pesisiran pantai yang mempunyai hutan bakau yang *intact* akan mengurangkan risiko kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Dalam hal ini, semua lapisan masyarakat sewajarnya menggembrelleng usaha dan bersama-sama merealisasikan hasrat Kerajaan.

Saya dimaklumkan bahawa sehingga Jun 2018, seluas 2,815.09 hektar kawasan pesisiran pantai di seluruh negara telah ditanam dengan sebanyak 6.6 juta pokok. Program yang melibatkan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan

Perhutanan Malaysia (FRIM), jabatan-jabatan perhutanan negeri termasuk Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) ini melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM54.5 juta. Peruntukan ini digunakan untuk aktiviti penanaman dan penyelenggaraan tanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pemantauan dan program pengembangan serta kesedaran awam.

Usaha yang sedang dilaksanakan tidak akan mencapai kejayaan tanpa sokongan padu dan komitmen daripada pelbagai pihak khususnya kerajaan-kerajaan negeri, NGO dan masyarakat tempatan. Justeru, saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sokongan dan kerjasama berterusan ini. Saya juga berharap agar sinergi dan komitmen tidak berbelah bahagi ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya usaha untuk menguruskan hutan paya laut secara lestari tidak terhenti dan kawasan-kawasan yang telah dipulihara tidak sewenang-wenangnya dimusnahkan oleh gejala pencerobohan mahupun untuk tujuan pembangunan guna tanah yang lain.

Adalah menjadi harapan saya supaya aktiviti pengurusan, pemuliharaan dan penggunaan lestari ekosistem hutan paya laut dapat menerapkan lagi semangat cintakan khazanah hutan yang amat bernilai ini.

**Ekosistem Hutan Paya Laut: Unik, Istimewa dan Mudah Terancam**  
***Mangrove Ecosystem: Unique, Special and Vulnerable.***

**Selamat Menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Tahun 2018.**

**DR. XAVIER JAYAKUMAR**  
**MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**  
**26 Julai 2018**